

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 22 MAC 2017

SOALAN :

YB Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang cadangan penambahbaikan serta menaik taraf kemudahan perkhidmatan kesihatan di Hospital Kinabatangan dan Tongod serta klinik-klinik kesihatan di Parlimen P.187 Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Kinabatangan merupakan hospital tanpa pakar yang terletak di Daerah Kinabatangan. Hospital ini mempunyai 68 katil bagi kemudahan pesakit dengan purata Kadar Penggunaan Katil pada tahun 2016 adalah sebanyak 48.73%. Kementerian ambil maklum terhadap keadaan Hospital Kinabatangan yang memerlukan penaiktarafan atau penggantian sistem dan kelengkapan hospital sehubungan itu, pada tahun 2016 kerja-kerja menaiktarf di Hospital Kinabatangan telah dilaksanakan seperti yang disenaraikan dibawah:

1. Menaiktaraf sistem penyaman udara Unit Kecemasan;
2. Menaiktaraf sistem keselamatan kebakaran;
3. Menaiktaraf Rangkaian Komputer Setempat (LAN) ; dan
4. Memperbaiki pagar hospital.

Sepertimana lain-lain hospital kerja-kerja naiktarf serta pembaikan diadakan dari semasa ke semasa. Semua kerja-kerja naiktarf yang telah dirancang ini akan dapat membantu mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang sedia ada.

Bagi klinik-klinik kesihatan pula, terdapat sejumlah tujuh (7) fasiliti kesihatan di daerah Tongod iaitu Klinik Kesihatan (KK) Entilibon, KK Tongod, KK Penangah, KK Minusoh, KK Mengkawagu, KK Kuamut dan Klinik Desa Karamuak. Semua fasiliti berkenaan telah ditempatkan pegawai perubatan kecuali KK Minusoh, KK Mengkawagu dan KD Karamuak.

Setiap klinik mempunyai kerja-kerja naiktarf serta pembaikan yang diadakan dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, perancangan untuk menempatkan mesin X-Ray di KK Tongod bagi meningkatkan perkhidmatan sedia ada sedang diusahakan. Manakala KK Kuamut telah dilengkapkan dengan perkhidmatan Klinik Bergerak Air (Bot 1 Malaysia Mini) untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk pesisir sungai Kinabatangan seperti Kg Tngkuyan, Kg Desa Permai, dan Kg Balat.

Manakala bagi penduduk Kg Inarad, kerajaan persekutuan telah meluluskan pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 7, Inarad di dalam *Rolling Plan* (dengan izin) ke-2 , Rancangan Malaysia Kesebelas. Kementerian akan terus berusaha untuk meningkatkan kualiti fasiliti kesihatan mengikut keperluan.